

Ramai masih tidak faham prosedur perbaharui pasport

Kuala Lumpur: Jumlah permohonan yang tinggi bagi urusan pembaharuan pasport susulan pembukaan semula sempadan negara, dipercayai antara punca menyebabkan gangguan kepada sistem MyOnline Pasport.

Isu berkenaan yang dikatakan berlarutan sejak seminggu lalu bagaimanapun difahamkan hanya dilaporkan di pejabat tertentu yang menjadi tumpuan ramai, khususnya di Lembah Klang, antaranya Jabatan Imigresen di Jalan Duta dan di Pusat Transformasi Bandar (UTC), Pudu Sentral.

Masalah itu dipercayai kerana kekeliruan orang ramai yang masih tidak faham prosedur pembaharuan pasport, termasuk tidak tahu urusan berkenaan boleh dilakukan secara dalam talian sepenuhnya.

Ramai mengadu terpaksa beratur panjang dan perlu datang terus atau *walk in* ke cawangan Jabatan Imigresen.

Menurut Facebook rasmi Jabatan Imigresen, hanya ibu pejabatnya di Putrajaya menyediakan sistem dalam talian sepenuhnya, manakala cawangan lain masih guna sistem *walk-in* dengan pemohon perlu membuat janji temu terlebih dulu sebelum berurusan di kaunter.

Sementara itu, Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud, ketika diminta mengulas isu terbabit, berkata pihaknya sedang mengambil tindakan sepatutnya, manakala Bahagian Komunikasi jabatan itu pula memaklumkan sedang mendapatkan maklum balas Bahagian Keselamatan dan Pasport berhu-

bung isu berkenaan.

Tinjauan *BH* di Jabatan Imigresen Jalan Duta, mendapati ada pelanggan tidak tahu mereka perlu membuat janji temu terlebih dahulu untuk memperbaharui pasport semalam, yang turut menyaksikan berlaku sedikit masalah sistem sehingga mengganggu kelancaran urusan pembaharuan dokumen berkenaan, namun keadaan terkawal dan lancar.

Seorang pelajar yang hanya mahu dikenali sebagai Ganesh, 22, berkata dia dan kakaknya hanya tahu perlu membuat janji temu setelah tiba di pejabat Imigresen, manakala seorang lagi pelanggan berusia 60 tahun yang membuat janji temu secara dalam talian, memaklumkan urusan pembaharuan pasportnya dan anak berjalan lancar.